

Integriti tidak tertumpu kepada isu rasuah: Sapawi

Ricardo Unto DE 25.5.2017 3

KOTA KINABALU: Integriti dalam sesebuah organisasi merangkumi skop yang lebih luas dalam budaya kerja dan tidak hanya tertumpu kepada isu berkaitan rasuah, pematuhan kepada sistem dan prosedur kerja.

Pengarah Yayasan Sabah Datuk Sapawi Ahmad berkata integriti juga melibatkan pembinaan hubungan baik antara ketua bahagian dan rakan sekerja serta melaksanakan tugas mereka dengan penuh dedikasi.

"Apabila integriti seseorang individu rendah, mereka terdedah kepada rasuah, penyalahgunaan kuasa, penipuan dan pelbagai kesalahan disiplin lain.

"Ini akan menjejaskan pembangunan organisasi, mengurangkan daya saing negara, menjejaskan sistem pentadbiran dan menjejaskan usaha untuk memperbaiki kualiti hidup orang ramai," kata beliau ketika menghadiri Sesi Kesedaran Integriti di Menara Tun Mustapha, di sini, pada Rabu.

Selaras dengan sesi tersebut, beliau menggesa anggota Yayasan Sabah untuk mencari jalan untuk memperkembangkan budaya integriti

dalam organisasi dengan keikhlasan dalam melaksanakan tugas mereka sebagai elemen utama.

"Program ini adalah salah satu cara untuk memperkasakan integriti dalam kalangan kakitangan Kumpulan Yayasan Sabah. Ia juga adalah satu platform untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan membincangkan isu semasa.

"Integriti adalah asas kepada organisasi yang cekap dan telus. Pentadbiran sentiasa bekerja keras untuk memupuk budaya integriti dalam semua peringkat pengurusan untuk organisasi.

"Penjawat awam mempunyai tanggungjawab untuk memberikan khidmat cekap dan telus dan dalam suasana kerja yang rumit, sudah tentu kita memerlukan tenaga kerja yang komited dan bertanggungjawab untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan."

Sehubungan itu, beliau berkata satu pengauditan dalaman sedang dijalankan terhadap sistem kualiti pengurusan organisasi.

"Mekanisme ini boleh membantu mengembangkan integriti organisasi, terutamanya dalam kalangan anggota Kumpulan Yayasan Sabah.

"Saya berharap semua kakitangan akan mem-

berikan kerjasama mereka dan mempamerkan prestasi cemerlang agar organisasi akan dapat memperoleh pensijilan MS ISO 9001:2015 versi terbaharu.

"Semua bahagian, zon dan ketua unit mesti mempamerkan komitmen dan kepimpinan mereka dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti.

"Kepimpinan adalah salah satu daripada elemen paling penting yang perlu diberikan penekanan secukupnya dalam versi pensijilan terkini," kata beliau.

Oleh itu, beliau berharap mereka akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap segala penemuan daripada pengauditan dalaman agar kesedaran terhadap pendekatan proses dan pemikiran berasaskan risiko boleh dipertingkatkan.

"Ini adalah penting untuk memastikan sistem pengurusan kualiti boleh menanggung hasil yang positif," katanya.

Turut hadir ialah Pengarah Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia Sabah Datuk Szali Salbi dan pensyarah kanan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Mohd Khairuddin Abdullah.